

Perutusan'08

NAIB CANSOLOR
DATUK PROF. IR. ISMAIL BIN HASSAN

Cetakan Pertama 2008

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Diterbitkan di Malaysia oleh

Penerbit Universiti
Kampus Bandar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Blok B, Tingkat 1, Jalan Hang Tuah
73500 Melaka, Malaysia
Tel: 06-2833346 Faks: 06-2833019

KANDUNGAN

PELAN STRATEGIK	7
BAJET MENGURUS	8
PEMBANGUNAN KAMPUS	9
AKADEMIK & ANTARABANGSA	12
KONVOKESYEN	15
ANTARABANGSA	16
PENDEDAHAN LUAR NEGARA	18
KERJASAMA UNIVERSITI INDUSTRI	19
KEMAHIRAN INSANIAH	21
PERSIDANGAN & SEMINAR	23
PENERBITAN	25
PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK	26
PENYELIDIKAN DAN INOVASI	29
PERUNDINGAN	30
UTeM HOLDINGS SDN BHD	31
UNJURAN PELAJAR	33
PERKEMBANGAN ORGANISASI	35
KESIMPULAN DAN PENUTUP	36
LAMPIRAN (SENARAI PENCAPAIAN UTAMA 2004-2007)	38



Bismillahir Rahmannir Rahim,

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah,

Timbalan Naib Canselor

(Akademik & Antarabangsa),

Y.Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zolkepli bin Buang,

Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,

Pegawai-pegawai Kanan dan Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab,

Yang Dipertua dan Anggota Barisan Majlis Perwakilan Pelajar,

Wakil-wakil media,

Dan semua staf UTeM yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk majlis Perutusan Tahunan Naib Canselor bagi tahun 2008. Kita juga telah menyambut kedatangan tahun baru 1429 Hijriah dan sudah tentulah amat bersesuaian sekali, kita semua menghayati makna penghijrahan yang sebenar dan menterjemahkannya ke dalam keseluruhan kehidupan kita dengan harapan tahun baru ini akan membawa lebih banyak kejayaan kepada kita semua.



PELAN STRATEGIK

Pembangunan Universiti dirancang dan dilaksanakan dengan teliti berdasarkan pelan strategik yang telah digubal untuk tempoh tahun 2006-2010. Satu bengkel telah diadakan pada 9-12 Disember 2007 di Senai Johor, dihadiri oleh semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk menilai pencapaian bagi tahun 2007 dan merancang program dan aktiviti bagi tahun 2008 bagi menentukan bahawa sasaran yang ditetapkan dalam pelan strategik Universiti tercapai.

Pelan Strategik Universiti juga telah dikemaskini supaya selaras dengan pelan yang telah disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu;

- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007 – 2010

Pada prinsipnya pelan strategik pengajian tinggi mempunyai tujuan utama meningkatkan kualiti dan memperkasakan institusi pengajian tinggi supaya mencapai tahap unggul antarabangsa. Dengan itu negara akan berkemampuan tinggi melahirkan modal insan kelas pertama yang boleh meletakkan negara di persada global dengan kebolehan bersaing yang terkuat.



BAJET MENGURUS

Kementerian Kewangan telah meluluskan bajet mengurus bagi tahun 2008 sebanyak

RM169,965,000 daripada RM210,742,370 yang dipohon. Walaupun Universiti tidak dapat sepenuhnya amaun yang dipohon, bajet yang diluluskan bertambah 28% dibanding dengan yang diperolehi bagi tahun 2007. Pengagihan Bajet 2008 telah pun dilakukan dan akan diberitahu kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Perkara penting yang perlu diambil maklum dan tindakan ialah melakukan perbelanjaan secara berhemah supaya Universiti mendapat faedah maksimum daripada bajet yang diperuntukkan. Universiti mempunyai tanggungjawab menguruskan dengan baik perbelanjaan yang secara tidak langsung dibiayai oleh rakyat.

PEMBANGUNAN KAMPUS

Kampus Induk

Sebagaimana yang kita semua maklum dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah beroperasi di Kampus Induk mulai Tahun 2005. Sehingga kini, selain dari dua bangunan fakulti yang disebutkan, projek yang telah siap termasuklah Kafetaria Pelajar, Kafetaria Staf dan Kompleks Sukan. Kompleks Sukan yang meliputi Stadium Sukan, Dewan Sukan dan Trek Balapan serta Gelanggang Permainan Pelbagai dijadualkan perasmian pada 22 Februari 2008 dan diletak di bawah pengendalian Pusat Sukan yang baru sahaja ditubuhkan pada bulan Disember lepas.

Semua projek pembangunan yang dirancang di bawah RMK-9 dijadual siap sepenuhnya pada 30 April tahun 2009. Bagaimanapun, sebahagian besar akan siap pada Tahun 2008 ini. Kemajuan Bangunan Canselorinya umpamanya sudah melebihi 80% siap. Projek lain yang sedang dalam pembinaan termasuklah: Perpustakaan, Pusat Komputer dan Dewan Siber, Pejabat Pembangunan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Masjid, Dewan

Besar, Kafetaria Pelajar 2, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Persatuan Pelajar dan Blok Kediaman Staf.

Jalan dari Tol Plaza Ayer Keroh masuk ke Universiti juga telah siap dan dirasmikan pada 15 September 2007. Jalan ini memendekkan tempoh perjalanan dari kawasan Ayer Keroh ke Kampus Induk dibanding dengan jalan lama. Bagaimanapun, yang perlu dilaksanakan segera ialah projek pembinaan pintu masuk dan balai pengawal yang sempurna bagi mencerminkan kampus kepunyaan sebuah universiti yang dinamik dan progresif.

Jumlah peruntukan di bawah RMK-9 iaitu RM360,387,000 akan habis dibelanjakan sebelum Tahun 2010 tetapi kita masih ada 2 lagi fakulti yang tertinggal iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Permohonan telah dibuat untuk mendapatkan bajet tambahan di bawah RMK-9 untuk membolehkan kita menyiapkan kesemua projek pembangunan kampus yang telah dirancang.

Universiti juga telah diberi peruntukan sebanyak RM40 juta di bawah Public Finance Initiative (PFI). Peruntukan ini akan digunakan untuk membangunkan Kompleks Pusat Latihan dan Pembuatan yang dijadualkan siap pada bulan Ogos 2008. Kompleks ini akan menjadikan UTeM universiti pertama di Negara ini yang di dalam kampusnya ada syarikat yang menjalankan aktiviti pembuatan produk dan memberi kemudahan dan pendedahan latihan di bawah konsep 'teaching factory'.





Masalah utama yang dihadapi di kampus induk adalah ketiadaan asrama pelajar. Pembinaan asrama di bawah konsep BLmT masih belum dapat dimulakan dan sebenarnya di luar kawalan Universiti. Kita sedang mengkaji pilihan lain yang boleh dilakukan untuk menyediakan penginapan pelajar berhampiran dengan Kampus Induk. Projek pembangunan Kampus Induk RMK-9 dijadual siap pada 30 April 2008. Bagaimanapun, sasaran baru yang telah ditetapkan ialah tarikh siap pada 31 Disember 2008.

Kampus Industri

Sekarang ini sebahagian besar universiti terletak di kampus industri. Pada tahun ini banyak pejabat akan berpindah ke Kampus Induk sebaik sahaja bangunan berkenaan siap dan kita akan melepaskan ruang yang dikosongkan balik kepada pemiliknya iaitu Cubic Electronics Sdn Bhd. Dengan itu kita boleh menjimatkan bayaran sewa dengan penggunaan ruang secara optimum.

Kampus Bandar

Universiti telah memulakan operasi di Kampus Bandar Jalan Hang Tuah pada bulan Julai 2007. Kampus Bandar menempatkan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP), Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA) dan Penerbit Universiti. Satu lagi pusat yang akan ditempatkan di sana ialah yang akan bertanggungjawab terhadap program pembelajaran berterusan termasuk program pembangunan profesional.

AKADEMIK & ANTARABANGSA

Program Akademik

Universiti menawarkan program akademik dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi pada peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Doktor Falsafah. Pada Tahun 2007 dua program baru diperkenalkan iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles)

dan Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan). Ini bermakna Universiti sekarang menawarkan 5 program diploma dan 22 program sarjana muda di samping program sarjana dan doktor falsafah yang diteruskan. Satu lagi program baru akan diperkenalkan pada tahun ini iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang akan dikendalikan bersama oleh FKEKK dan

FTMK. Pada tahun ini juga Program Sarjana Melalui Kursus akan dimulakan. Ini mampu meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah berlipat ganda dari yang ada sekarang. Enrolmen pelajar pasca siswazah disasarkan mencapai 20% jumlah pelajar sarjana muda.

Kualiti dan Akreditasi

Universiti dijangka mendapat persijilan semula ISO 9001:2000 bagi skop Rekabentuk dan Pembangunan Program Pendidikan dan Penyampaian Pendidikan Sarjana Muda. Proses audit telah berlangsung pada 14 dan 15 Januari 2008. Usaha telah dimulakan untuk mendapat persijilan kualiti program pasca siswazah.

Pada Tahun 2007, tujuh program sarjana muda telah menjalani proses penilaian untuk akreditasi dan pengiktirafan. Universiti tidak nampak masalah dan yakin untuk mendapat keputusan positif yang akan diketahui dalam sedikit masa lagi.

Denambahbaikan secara berterusan akan dibuat untuk meningkatkan kualiti program akademik yang ditawarkan. Sasaran yang kita tetapkan ialah semua graduan mendapat pekerjaan atau kadar pengangguran sifar. Bahkan kita mahu graduan UTeM menjadi pilihan utama industri.

Universiti menjanjikan perkhidmatan terbaik seperti yang dinyatakan dalam piagam pelanggan yang perlu sentiasa dijadikan rujukan tanda aras kualiti.



© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KONVOKESYEN

Majlis Konvokesyen Ketiga yang diadakan pada 4 dan 5 Ogos 2007 menyaksikan 1347 graduan menjadikan jumlah yang telah dikeluarkan ialah 2816 orang. Konvokesyen akan datang akan diadakan pada 9 dan 10 Ogos dan bakal menyaksikan 1611 graduan dianugerahkan ijazah dan diploma termasuk 5 sarjana.

Kita masih menunggu graduan pertama yang akan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah oleh Universiti ini.



ANTARABANGSA

Universiti perlu meningkatkan pengantarabangsaan yang menjadi semakin penting dalam era globalisasi dan untuk mencapai visi menjadi antara universiti yang terkemuka di dunia. Bilangan pelajar antarabangsa yang pada masa ini seramai 21 orang perlu ditambah sehingga mencapai 5% jumlah pelajar bagi program sarjana muda. Tumpuan utama adalah penambahan pelajar antarabangsa bagi program pasca siswazah. Ini lebih mudah dilaksanakan dan tiada had bilangan pelajar yang boleh diambil.

Bilangan staf antarabangsa juga perlu ditambah dari 21 orang pada Tahun 2007 untuk mencapai sasaran 10% jumlah staf akademik. Skim 'Contract for Service' akan digunakan untuk mendapat ahli akademik berkualiti dari Negara maju dengan membayar ganjaran lumayan setimpal dengan kelayakan dan sumbangan mereka.

Pengantarabangsaan bertujuan meningkatkan kualiti akademik kepada tahap antarabangsa supaya Universiti boleh menarik kemasukkan pelajar dan tenaga akademik cemerlang dari dalam dan luar negara. Pada Tahun 2007, kita telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Osaka Prefecture University, Jepun.

Semuanya kita ada MoU dengan 7 universiti luar negara iaitu 2 United Kingdom, 1 Jerman, 1 Jepun, 2 Australia dan 1 Indonesia. Pada tahun ini kita akan mengusahakan MoU dengan Kyoto University dan bersama dengan universiti teknikal lain di bawah rangkaian Malaysian Technical Universities Network (MTUN) juga akan menandatangani MoU dengan Australia Technology Network (ATN) dan Ireland Institutes of Technology.

Menyedari kepentingan program pengantarabangsaan, Universiti telah memperuntukkan bajet RM3 juta untuk tujuan lawatan ke luar negara bagi Tahun 2008. Bentuk lawatan yang boleh menggunakan bajet ini adalah lawatan kerja, lawatan kerana mengikuti latihan berkaitan dengan perolehan, aktiviti promosi dan pengambilan staf. Sehubungan dengan itu Universiti telah memutuskan bahawa semua pembentangan kertas kerja di luar negara mestilah mengguna bajet penyelidikan sama ada FRGS atau Science Fund.



PENDEDAHAN LUAR NEGARA

Pendedahan pengalaman di luar negara amat berfaedah kepada pelajar tetapi kita menghadapi kesukaran untuk menghantar ramai pelajar disebabkan kekangan kewangan. Kaedah menabung telah dimulakan supaya pelajar dapat menampung sendiri sebahagian daripada kos lawatan.

Pada Tahun 2007, dua lawatan ke luar negara telah dilaksanakan bagi pelajar iaitu ke Institut Teknologi Bandung dan beberapa universiti di Thailand. Diharap pada tahun ini kita dapat meningkatkan program lawatan ke luar negara bagi pelajar termasuk yang melibatkan pertukaran pelajar dengan universiti lain.



STRATASY[®]

CORPORATE HEADQUARTERS
SOUTH ENTRANCE



KERJASAMA UNIVERSITI INDUSTRI

Universiti telah mengorak langkah menjalin hubungan rapat dengan beberapa industri dalam dan luar negara. Panel Penasihat Industri yang ditubuhkan pada Tahun 2006 telah mengadakan mesyuarat kedua pada 26 dan 27 November 2007. Pada mesyuarat tersebut, polisi industri UTeM telah dibentangkan dan mendapat persetujuan panel. Peranan panel ini semakin mantap dan akan menghasilkan faedah tidak ternilai kepada universiti. Keahlian panel akan ditambah untuk mendapat perwakilan dari pelbagai sektor industri.

Pada Tahun 2007 Universiti telah menandatangani MoU dengan 2 syarikat tempatan iaitu Anzag Industries dan Impressive Edge Sdn Bhd dan dengan 1 syarikat luar Negara iaitu Feinmechanik Michael Deckel GmbH Germany. Jumlah rakan industri yang ada MoU dengan UTeM sekarang ialah 15 semuanya dan kita telah mengenalpasti beberapa syarikat lagi dari dalam dan luar negara untuk tujuan menjalinkan hubungan dan menandatangani MoU pada tahun ini.

Perancangan Universiti ialah untuk menjadikan kerjasama rapat universiti industri dikenali umum sebagai satu ciri unik UTeM. Contoh sumbangan pihak industri yang memberi manfaat kepada universiti ialah sumbangan perisian rekabentuk kejuruteraan oleh Unigraphics USA bernilai USD4juta.





KEMAHIRAN INSANIAH

KPT telah memberi penekanan kepada program yang meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar sebagai menambah nilai diri dan kebolehpasaran. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) akan menyelaraskan pelaksanaan dan penilaian program kemahiran insaniah bersepadu yang terdiri dari unsur yang diterapkan terus dalam kurikulum selaras pelaksanaan pendidikan berasaskan hasil (outcome-based education – OBE), matapelajaran kokurikulum dan aktiviti tambahan luar bilik kuliah. Penilaian akan dibuat terhadap pencapaian pelajar dan boleh dijadikan petunjuk kualiti untuk digunakan dalam usaha mencari pekerjaan.

Kepentingan kemahiran Bahasa Inggeris diberi penekanan bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada staf akademik. Pada tahun ini, program khas akan dimulakan untuk staf akademik bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Di samping itu program bahasa ketiga yang telah dimulakan pada tahun 2007 akan dipertingkatkan juga pada tahun ini.

Tahun ini akan menyaksikan pelaksanaan program kemahiran insaniah yang lebih mantap dan meliputi penilaian yang menunjukkan pencapaian pelajar dan juga tahap keberkesanan program yang dilaksanakan.



PERSIDANGAN & SEMINAR

Universiti menggalakkan penganjuran persidangan dan seminar sebagai aktiviti akademik untuk menyemarakkan lagi budaya keilmuan dan intelektual. Pada Tahun 2007, dua seminar industri melibatkan syarikat antarabangsa telah diadakan iaitu:

- Advanced Plastic Moulding Technologies – 5 Mac, bersama Mod Tec Pty Ltd Australia
- Technology Revolution in Design and Manufacturing for Higher Education – 30 April, bersama Unigraphics Corporation USA dan CaddCam Group of Companies Malaysia;

Dua persidangan antarabangsa juga telah diadakan iaitu:

- International Conference on Engineering and ICT- 27 & 28 November
- International Conference on Applied Electromagnetics – 5 & 6 Disember

Di samping itu dua syarahan dalam siri Syarahan Umum Profesor juga telah diadakan iaitu: .

- Development of Machining Industry in Malaysia – 14 Jun, Prof. Dr. Abu bin Abdullah
- Engineering Ethics – 22 November, Prof. Abdul Hamid bin Hamidon

Aktiviti akademik seperti yang telah diadakan pada tahun 2007 akan dipertingkatkan pada tahun 2008.



PENERBITAN

Universiti menerbitkan dua kali setahun 'Journal of Technology Management and Entrepreneurship' yang bertaraf antarabangsa dengan muatan makalah berkualiti tinggi dari dalam dan luar negara. Tahun 2007 menyaksikan pula penerbitan 'Journal of Advanced Manufacturing Technology'. Selain jurnal penerbitan pada tahun 2007 berjumlah 11 dan perlu dipertingkatkan lagi pada tahun 2008.

Dijangkakan pada Tahun 2008, Universiti akan menerbitkan sebuah lagi jurnal meliputi bidang teknologi maklumat atau kejuruteraan elektrik dan elektronik.

PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK

Pada tahun 2008, Universiti akan meningkatkan lagi usaha mencapai sasaran 50% staf akademik memiliki ijazah Doktor Falsafah pada Tahun 2010. Pada Tahun 2007, 16 staf melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana manakala 42 staf melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD). Perangkaan ini sebenarnya kurang dari yang dirancang iaitu 39 Sarjana dan 72 PhD.

Bagi tahun 2008 Universiti telah meluluskan 14 staf melanjutkan pengajian peringkat Sarjana dan 64 staf melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah. Pengagihan yang lebih seimbang akan dibuat supaya tidak tertumpu, bukan sahaja di UK tetapi juga Jerman, Holland, Belgium, Jepun, Australia, New Zealand dan USA. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mendapat tempat di negara-negara tersebut khususnya Eropah (bukan UK), Jepun, Australia dan USA.



Universiti masih lagi belum berjaya memulakan program 'Split PhD' dan diharap ini dapat dilakukan pada tahun 2008 khususnya dengan universiti luar negara yang ada MoU dengan kita.

Universiti juga mahu melihat lebih ramai staf akademik mengambil kesempatan kemudahan skim sangkut industri untuk tempoh 3 bulan hingga 2 tahun bagi melayakkan mereka mendapat status Jurutera Profesional.



UTeM thinks out of the box

Universiti Teknikal Malaysia Melaka shares its ambitious plan to attract 1,000 postgraduate students with CYNTHIA LEE

UNIVERSITI Teknikal Malaysia (UTeM) is willing to try "unconventional" methods in its bid to reach excellence. Beginning next year, UTeM will introduce more flexible coursework for postgraduate degrees, which are fully research-based.

The coursework postgraduate programme is expected to be introduced next July and only six courses would be allocated for consideration," says UTeM Vice-Chancellor (Academic and Quality Assurance) Prof. Datuk Ismail Hassan.

There will be no... the... will...



UTeM vice-chancellor Prof Datuk Ismail Hassan (spotted tie) and UTeM participants of the Robocon contest (to design and construct a robot that can perform certain task).



Professor Dr Abu Abdullah says UTeM is ready to welcome postgraduates



and innovative prowess. In line with the national mission to be an industrialised nation by 2020, the university was established to develop skilled professionals.

The Centre for Postgraduate Studies was established in 2004. It is responsible for... programme focuses on...

cal engineering, manufacturing engineering and information and communications technology engineering as well as technology and entrepreneurship management.

Since 2004, the master's degree programme focuses on...

Postgraduate Studies Prof Dr M Taib Dora says UTeM is ready for influx of research students.

The centre started out with 13 students and today, the number stands at 147 — PhD (26), MBA (121) and master's (87).



Inovasi

...ca siswazah terunggul



PENYELIDIKAN & INOVASI

Di bawah RMK-9 Kerajaan memperuntukkan dana penyelidikan science fund berjumlah RM1.5 billion. Dalam pengagihan pertama Universiti menerima RM369,350 untuk 2 projek. Pengagihan pusingan kedua yang dibuat pada Tahun 2007 menyaksikan peningkatan iaitu sebanyak RM1,416,600 melibatkan 6 projek.

Dari RM200 juta peruntukan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) oleh KPT, Universiti berjaya menerima RM110,331 pada pusingan pertama dan RM4,347,890 melibatkan 73 projek.

Diharapkan pada tahun 2008 ini kita akan dapat meningkatkan lagi geran penyelidikan yang diperolehi sama ada FRGS mahupun Science Fund, kerana aktiviti penyelidikan amat penting bagi sesebuah universiti dan kita tidak mahu ketinggalan dalam mengambil peluang peruntukan besar yang disediakan oleh Kerajaan.

Hasil penyelidikan dan inovasi, kita berjaya memenangi beberapa pingat di pameran antarabangsa dan dalam negara. Pada tahun ini kita sekali lagi akan mengambil bahagian dalam pameran rekacipta dan inovasi di Geneva di samping ITEX dalam negara dan beberapa pameran lain yang sesuai. Usaha juga perlu dipertingkatkan untuk mengkomersilkan produk yang dihasilkan. Projek yang telah dikenalpasti termasuklah 'Air Pressure Plug', Bullet – Proof Vest' dan beberapa yang lain.



PERUNDINGAN

Pada Tahun 2007, aktiviti perundingan melibatkan 8 projek bernilai RM6.86 juta walaupun RM6.7 juta adalah untuk projek Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) Kuantan. Pada tahun ini, projek perundingan akan diletak di bawah pengurusan UTeM Holdings iaitu syarikat milik penuh Universiti yang telah ditubuhkan pada tahun 2006.

UTeM HOLDINGS SDN. BHD

UTeM Holdings Sdn Bhd (UHSB) ditubuhkan sebagai syarikat milik penuh Universiti untuk menjalankan aktiviti pelaburan dan komersil seperti yang dibenarkan. Tujuannya adalah untuk menjana pendapatan selaras dengan sasaran KPT bahawa pada tahun 2010 IPTA perlu menanggung sendiri 30% daripada kos perbelanjaan pengurusan. UHSB telah diberi suntikan modal berbayar RM500,000 oleh Universiti. Dengan modal tersebut syarikat telah membuat perancangan pelaburan mengikut Garispanduan Pelaburan untuk IPTA yang dikeluarkan oleh IPT. Segala cadangan pelaburan dan aktiviti perniagaan dinilai oleh Jawatankuasa Induk Pelaburan yang membuat perakuan untuk mendapat pertimbangan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) sama ada diluluskan atau tidak.

Aktiviti pertama UHSB yang telah mendapat kelulusan LPU ialah penubuhan anak syarikat usahasama yang diberi nama UTeM Solutions Sdn Bhd dengan modal RM1 juta dikongsi bersama antara UTeM Holdings 60% dan Syarikat In-Fusion Solutions Sdn Bhd 40%. Perusahaan yang akan dijalankan ialah pembangunan modul e-pembelajaran untuk kegunaan UTeM sendiri dan juga untuk dipasarkan kepada institusi pengajian lain.

UTeM Holdings juga akan menguruskan beberapa projek perundingan termasuk yang telah pun bermula pada Tahun 2007 iaitu pembangunan sistem maklumat bagi Universiti Malaysia Sabah bernilai RM1.6 juta dan satu projek pembangunan sistem teknologi maklumat bagi universiti di Kalimantan Indonesia bernilai USD6 juta.

Ada lagi projek lain yang telah dikenalpasti sebagai pelaburan mahupun perkhidmatan perundingan yang dapat menambah penjana pendapatan sendiri universiti. Dengan peralatan canggih dan kepakaran yang ada UTeM dijangka dapat bergerak pantas dalam aktiviti penjana pendapatan sendiri sekali gus membina kekuatan dalam bidang tujuhan teknologi pembuatan termaju.



UNJURAN PELAJAR

Sasaran enrolmen pelajar pada tahun 2010 ialah berjumlah 10,000 orang merangkumi pelajar diploma, sarjana muda dan pasca siswazah. Pada Tahun 2007 jumlah pelajar ialah 5,540 orang. Pada tahun ini enrolmen disasarkan pada 6,400 orang dan untuk itu kita perlu membuat pengambilan seramai 2,200 orang pelajar bagi kemasukan bulan Julai 2008.





PERKEMBANGAN ORGANISASI

Dalam usaha untuk memantapkan lagi pengurusan, Universiti telah menubuhkan dua pusat baru kedua-duanya berkuatkuasa 10 Disember 2007 dan diletak di bawah Canselori, iaitu Pusat Sukan dan Pusat Islam.

Penubuhan Pusat Sukan adalah selaras dengan perkembangan semasa sempena siapnya kompleks sukan di Kampus Induk dan memenuhi keperluan pembangunan modal insan secara menyeluruh dari aspek pembinaan kecergasan, kesihatan, keceriaan dan kesejahteraan warga universiti.

Pusat Islam ditubuhkan sebagai memenuhi tanggungjawab universiti yang semakin mencabar dalam melahirkan warga yang bersahsiah murni, berakhlak mulia dan berintegriti tinggi.

Universiti juga telah meluluskan penubuhan satu lagi pusat yang akan bermula pada tahun 2008 ini iaitu yang mempunyai tanggungjawab terhadap program dan aktiviti berkaitan pembelajaran berterusan termasuk untuk pembangunan professional.

KESIMPULAN & PENUTUP

Pencapaian utama Universiti dirumuskan dalam jadual yang dilampirkan. Walaupun Universiti berusia hanya 7 tahun namun kita boleh berbangga dengan beberapa kejayaan yang telah dicapai. Universiti berusaha untuk dikenali sebagai sebuah universiti teknikal yang melahirkan graduan cemerlang dalam akademik dengan kemahiran tinggi dari aspek aplikasi dan amalan, serta diperkasakan dengan kemahiran insaniah unggul. Selaras dengan itu pembangunan sumber manusia memberi penekanan dan tumpuan kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Staf dikehendaki bukan sahaja memiliki kelayakan akademik yang tinggi tetapi juga mendapat pendedahan luas dalam industri dan pengamalan professional.

Universiti berusaha secara berterusan untuk mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan menarik serta menyediakan kemudahan dan peluang yang luas untuk tujuan peningkatan diri staf. Tenaga pengajar mempunyai tugas menyampaikan dan menyebarkan ilmu pengetahuan iaitu satu tugas yang bukan sahaja dipandang mulia tetapi mendapat ganjaran berterusan. Di samping itu, tenaga pengajar juga diberi peluang dan kesempatan membina pengetahuan, kemahiran dan kepakaran profesional

melalui aktiviti penyelidikan, inovasi dan perkhidmatan perundingan.

Penubuhan dan pengoperasian UTeM Holdings membuka peluang seluas-luasnya kepada staf universiti melibatkan diri dalam aktiviti komersil yang mendatangkan hasil bukan sahaja kepada Universiti tetapi juga kepada staf berkenaan.

UTeM akan memberi peluang kerjaya dan penglibatan dalam aktiviti yang boleh menambah pendapatan dengan tujuan memberi kepuasan dan dorongan kepada staf supaya bekerja kuat dan tidak terlintas untuk mencari kerja di tempat lain.



S

ebenamya perjalanan masih jauh dan penuh cabaran untuk mencapai visi yang ditetapkan. Yang penting semua warga Universiti bekerjasama menggembeling tenaga dalam usaha mencapai kemajuan. Pelan Strategik 2006-2010 menjadi panduan dalam melaksanakan usaha tersebut dan mesti ada keyakinan bahawa visi universiti akan berjaya dicapai. Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi semua warga Universiti memahami dan menghayati sepenuhnya visi Universiti. Ciri inovatif dan kreatif perlu diterjemahkan dalam semua aspek kerja, barulah kita boleh dikatakan memahami dan menghayati serta mendokong visi yang kita sama-sama tetapkan.

Sekian, terima kasih, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum wrt. wbt.

LAMPIRAN SENARAI PENCAPAIAN UTAMA 2004-2007

BIL.	PENCAPAIAN	KETERANGAN
1	<p>Akreditasi dan Pengiktirafan Program Akademik</p> <p>Konvokesyen pertama Tahun 2005, kedua Tahun 2006 dan ketiga Tahun 2007 melahirkan 2816 graduan. Semua program akademik bagi graduan tersebut telah mendapat akreditasi Lembaga Jurutera Malaysia dan pengiktirafan JPA.</p>	<p>Graduan diploma, sarjana muda dan sarjana dalam bidang kejuruteraan dan sains komputer.</p>
2	<p>Penyelidikan dan Inovasi</p> <p>Meraih pingat di pameran antarabangsa Geneva Tahun 2006 1 Emas, 2 Gangsa, Tahun 2007 1 Emas, 4 Perak, 3 Gangsa (100%)Pengiktirafan antarabangsa 2005 : 1 EURIKA award Belgium, 1 honorary award Poland.Produk "Air Pressure Plug" dalam proses akhir pengkomersilan. Produk 'bullet proof vest' berpotensi komersil besar.</p>	<p>Beberapa produk lain juga mempunyai potensi komersil</p>
3	<p>MoU Dengan Universiti Luar Negara:</p> <p>RMIT University, UniSA, University of Sheffield, Institut Teknologi Bandung. Naik taraf MoU dengan Technical University Berlin, Osaka Prefecture University.</p> <p>Kerjasama telah berlangsung dalam pembangunan staf akademik, pembangunan program akademik dan penyelidikan.</p> <p>Kerjasama dengan Coventry University meningkat dengan pelaksanaan bersama program Sarjana Engineering Business Management dan Manufacturing System Engineering, melibatkan 14 pelajar.</p>	<p>Sekarang ada MoU dengan 7 universiti luar Negara.</p>
4	<p>Penerbitan:</p> <p>Journal of Technology Management and Entrepreneurship 2 kali setahun.</p> <p>Jurnal bertaraf antarabangsa dengan muatan makalah dari dalam dan luar negara.Journal of Advanced Manufacturing Technology 9 buku teks dan rujukan.</p>	<p>Pelancaran buku oleh MAPIM</p>

BIL.	PENCAPAIAN	KETERANGAN
5	<p>Pusat Pembuatan Termaju :</p> <p>Mula beroperasi dengan kelengkapan mesin CNC 5-axis dan 3-axis. Akan dapat high precision tooling machines, mold and die, engineering design facilities with rapid prototyping, robotics and automation.</p> <p>Pusat akan melaksanakan 'contract manufacturing' komponen dan produk dan memberi kemudahan latihan serta peluang R & D.</p>	<p>Pusat diperuntukkan bajet RM12.5 juta untuk dimajukan sebagai pusat kecemerlangan yang digunakan untuk membangunkan bidang tuhan 'Advanced Manufacturing Technology'</p> <p>Kampus induk akan mempunyai kompleks latihan dan pembuatan. Apabila siap UTeM akan memiliki kemudahan 'teaching factory' yang lengkap dan canggih.</p>
6	<p>Pembangunan Sistem Aplikasi Komputer :</p> <p>Pusat Komputer UTeM berjaya membangunkan sendiri beberapa sistem aplikasi yang lengkap dan berkualiti tinggi :</p> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Sistem Maklumat Pelajar (SMP) menarik minat universiti lain untuk membeli dari UTeM ➢ Sistem Mesyuarat Pemilihan Bersama Calon Pelajar IPTA yang dibangunkan UTeM dipakai oleh KPT pada pengambilan Sesi 2006/07 <p>Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) akan dapat projek E-KUTAI bernilai USD6 juta dengan sebuah universiti di Kalimantan.</p>	<p>Pusat Komputer dengan kerjasama FTMK mempunyai kebolehan dan kepakaran membangunkan sendiri sistem aplikasi untuk kegunaan dalaman dan dinilai tinggi oleh pihak luar.</p>
7	<p>Penubuhan Syarikat :</p> <p>Penubuhan KUTKM Holdings Sdn Bhd (KHSB) diluluskan pada Tahun 2006. Akan mula usahasama dalam pembangunan modul e-learning. Banyak peluang aktiviti pembuatan secara usahasama dengan syarikat dalam dan luar negara (Jepun, Germany).</p>	<p>Aktiviti pelaburan mengikut garis panduan KPT. Usahasama meningkat hubungan universiti industri.</p>

BIL.	PENCAPAIAN	KETERANGAN
8	<p>Pembangunan Kampus Tetap :</p> <p>Pembangunan di bawah RMK-9 siap kerja tanah, infrastruktur, 2 fakulti, kafetaria pelajar. Disambung untuk Bangunan Canselori, Kompleks Sukan, Kafetaria Staf, Bangunan Persatuan Pelajar, Pejabat Pembangunan.</p> <p>Projek RMK-9 berjalan lancar dan akan siap semuanya pada tahun 2008.</p> <p>Projek PFI telah mendapat kelulusan.</p>	<p>Bajet RMK-9 tidak cukup untuk 2 Fakulti lagi. Perancangan telah siap dan Universiti akan mohon bajet tambahan.</p>
9	<p>Kualiti :</p> <p>Mendapat persijilan MS ISO 9001 : 2000 dalam skop pengajaran dan pembelajaran. Pensijilan berjaya dikekalkan.</p>	<p>Pensijilan oleh OAS SIRIM pada tahun 2005. Membantu program akademik mendapat akreditasi dan pengiktirafan.</p>
10	<p>UTeM - MAHR Calibration Centre :</p> <p>Memberi perkhidmatan 'dimensional metrology' kepada industri. Kelengkapan termasuk universal measuring machine, coordinate measuring machine, digital height measuring station, CNC roundness measuring machine.</p>	<p>Pusat mempunyai cukup kelengkapan dan kepakaran dengan sokongan industri untuk membuat penentukuran pelbagai gages termasuk ring, plug, thread ring, thread plug, snap.</p>
11	<p>Perundingan :</p> <p>24 projek dengan bayaran perkhidmatan RM7,035,741. Projek terbesar KKTU Kuantan bernilai RM6.7 juta.</p>	<p>Akan datang : Sistem maklumat RM1.6 juta, sistem rangkaian dan komputer USD3 juta.</p>
12	<p>Hubungan Universiti Industri :</p> <p>Panel Penasihat Industri untuk memberi nasihat halatuju dan pendekatan dalam kerjasama dengan industri. Keanggotaan dari dalam dan luar Negara.</p> <p>Pelancaran Polisi Industri</p> <p>15 rakan industri dan meningkat termasuk 1 syarikat di Jepun dan 1 di Jerman. Kerjasama aktif : Seminar, R & D, Kursus, Latihan.</p> <p>Unigraphics USA menyumbang perisian untuk kerja rekabentuk kejuruteraan bernilai USD 4 juta.</p> <p>Penubuhan UTeM -MAHR Calibration Centre</p>	<p>Telah kenalpasti beberapa lagi bakal rakan industri dalam dan luar Negara.</p>